

Malaysia tidak teruskan usaha dapatkan sokongan sekretariat ASEAN+3

PHNOM PENH 4 NOV 2002

PHNOM PENH 4 Nov. — Malaysia memutuskan untuk tidak meneruskan usaha bagi mendapatkan sokongan terhadap cadangan menubuhkan sekretariat ASEAN + 3 (Jepun, China dan Korea Selatan) di Kuala Lumpur pada sidang kemuncak ASEAN kali ini kerana ia belum dapat diterima secara menyeluruh oleh anggota-anggota badan serantau itu, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Katanya, delegasi Malaysia yang diketuai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad datang ke sidang kemuncak ini untuk mengambil bahagian dalam membincangkan pelbagai isu semasa dan memutuskan untuk tidak membangkitkan isu tersebut pada mesyuarat kali ini.

"Kita telah menyuarakan pandangan kita tentang keperluan mengadakan sebuah sekretariat ASEAN+3 semasa sidang kemuncak di Brunei tahun lalu dan sebagai anggota ASEAN yang baik kita perlu bersikap pragmatik dan menerima pandangan anggota-anggota lain," kata beliau kepada para pemberita Malaysia di sini, hari ini.

Menurutnya, cadangan tersebut mungkin akan dibangkitkan pada mesyuarat lain apabila difikirkan sesuai dengan keadaan dan penerimaan anggota-anggota lain.

Katanya, Malaysia tidak akan mendapat apa-apa manfaat jika terus menjual cadangan itu tanpa konsensus daripada anggota-anggota ASEAN.

Beliau menambah, Malaysia tidak kecewa dengan sambutan anggota-anggota ASEAN lain terhadap cada-

ngan itu tetapi merasakan banyak isu semasa lain yang penting untuk dibincangkan pada mesyuarat ini.

Syed Hamid berpuashati kerana usaha Malaysia untuk mencari jalan penyelesaian dalam isu tuntutan bertindih di kepulauan Spratly telah mula menunjukkan kejayaan.

Menurutnya, Deklarasi Mengenai Tatacara Pihak-pihak yang Berkepentingan di Laut China Selatan yang ditandatangani oleh pemimpin-pemimpin ASEAN dan China hari ini merupakan satu kejayaan besar.

Deklarasi itu bukan saja bertujuan untuk mengendurkan ketegangan antara negara-negara yang terlibat malah menandakan kemajuan ke arah mencapai satu kod tatacara yang berkekalan di Laut China Selatan.

Isu Spratly melibatkan empat negara ASEAN iaitu Malaysia, Filipina, Brunei, Vietnam serta dua negara lain iaitu China dan Taiwan.

Selain itu, Syed Hamid berkata, pada mesyuarat hari ini Dr. Mahathir berpeluang membangkitkan isu Iraq dan kesan yang boleh berlaku pada rantau ini jika peperangan berlaku di negara itu.

Mengenai keganasan, katanya, Dr. Mahathir juga mengingatkan anggota-anggota ASEAN lain supaya turut mengambil kira soal sebab-sebab berlakunya keganasan dan tidak hanya mencari jalan penyelesaian secara ketenteraan.

Mengenai cadangan mewujudkan sidang kemuncak ASEAN + Australia, katanya, Malaysia menyokong agar perkara itu dibincangkan di peringkat menteri ASEAN terlebih dahulu. — *Utusan*